

Permohonan
Kemasukan ke
TINGKATAN 4
MRSM Tahun 2014



Majlis Amanah Rakyat
Agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

SABAH DAN SARAWAK

Layari Portal Rasmi Majlis Amanah Rakyat : <http://www.mara.gov.my>

Permohonan adalah terbuka kepada pelajar tingkatan tiga warganegara Malaysia yang layak untuk kemasukan ke MRSM tingkatan empat pada tahun 2014 di Sabah dan Sarawak.

A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM :

1. Permohonan ini terbuka kepada pelajar yang bersekolah di Sabah dan Sarawak.
2. Mendapat sekurang-kurangnya **5A 3B (A dalam Matematik dan Sains) dan tiada gred C, D atau E** bagi subjek teras dalam PMR.

B. SYARAT-SYARAT MEMOHON SECARA ONLINE :

1. Pelajar Bumiputera tingkatan tiga di Sabah dan Sarawak.
2. Pelajar bukan Bumiputera Tingkatan 3 yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan di Sabah dan Sarawak.
3. Pelajar yang sedang menuntut di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kementerian Pendidikan Malaysia **tidak dibenarkan memohon** dan tidak akan ditawarkan ke MRSM.

C. CARA MEMOHON KATA LALUAN :

1. Pemohon boleh mendapatkan kata laluan di semua **Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah dan Maktab Rendah Sains MARA** yang berdekatan pada waktu pejabat pada **hari keputusan PMR diumumkan secara rasmi**.
2. Sila bawa salinan kad pengenalan serta keputusan PMR yang disahkan benar, semasa mendapatkan kata laluan.
3. Pemohon mestilah mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam borang permohonan online serta memastikan borang tersebut dihantar secara online.
4. Pemohon mestilah menghantar cetakan borang serta dokumen yang berkaitan ke alamat di bawah:

(Permohonan ke Tingkatan 4)

**Pengarah,
Bahagian Pendidikan Menengah,
Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA,
21, Jalan Raja Laut,
50609 KUALA LUMPUR.**

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

1. Tarikh akhir permohonan secara online ialah pada **6 Januari 2014**.
2. Tarikh akhir menghantar cetakan borang dan dokumen yang berkaitan ialah selewat-lewatnya pada **10 Januari 2014**.
3. Pemohon boleh menyemak keputusan ke MRSM pada bulan Februari. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga **30 April 2014** permohonan anda dianggap **tidak berjaya**.

NOTA :

1. Keutamaan diberikan kepada pemohon daripada keluarga berpendapatan rendah.
2. Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
3. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
4. MRSM menawarkan jurusan Sains Tulen sebagai jurusan utama.